



ANTARA aktiviti Program XPDC Dakwah anjuran Gamis ialah memberi khidmat nasihat kepada remaja di KLCC.

## Siswa Gamis dekati remaja

Oleh Khairina Yasin

khayrina@bharian.com.my

**L**EBIH 600 mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) awam (IPTA) dan swasta (IPTS) bergabung dalam program XPDC Dakwah yang berlangsung di Masjid As-Syakirin, KLCC, baru-baru ini.

Program anjuran Gabungan Mahasiswa Islam SeMalaysia (GAMIS) ialah antara usaha dakwah mahasiswa mendekati masyarakat untuk memberi khidmat nasihat bagi membendung masalah sosial dan gejala tidak sihat ketika sambutan Tahun Baru 2011.

Antara IPT yang menyertai program itu ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia IPT lain termasuk Univer-

siti Industri Selangor, Management & Science University, Universiti Tenaga Nasional, Kolej Lagenda, Kolej Universiti Islam Selangor dan Darul Quran.

Ketua Penerangan GAMIS Pusat, Mohd Yusof Hadhari, berkata pihaknya menghargai usaha mahasiswa dalam sama menjayakan program itu yang bermula selepas Maghrib membabitkan solat hajat, forum dan diikuti XPDC dakwah dengan bertemu anak muda di sekitar KLCC sehingga ke Bukit Bintang sebelum diakhiri qiamullail di Masjid As-Syakirin KLCC.

Katanya, program itu mendapat reaksi positif daripada ibu bapa dan juga orang ramai yang bimbang masalah sosial yang melanda generasi muda hari ini

"Acara tahunan ini menjadi medan dakwah dengan mengembleng keringat mahasiswa dan anak muda berjiwa merdeka untuk berkongsi erti iman dan Islam

secara bersama.

"XPDC dakwah ini bermula seawal pukul 9.30 malam dengan taklimat pergerakan dan juga pembahagian kumpulan. GAMIS turun bertemu masyarakat di ruang legar utama Masjid KLCC," katanya.

Katanya, penganjuran program itu secara tidak langsung memberi peluang kepada mahasiswa menyaksikan sendiri kancah sosialisasi yang kian melanda generasi muda di negara ini dan menjadi tanggungjawab mahasiswa untuk membimbing golongan itu agar tidak terus hanyut dalam dunia sebegitu.

"Saya yakin menerusi usaha sebegini, ia dapat memberi kesan baik kepada golongan muda kita. Pada masa sama menanamkan rasa malu untuk melakukan dan mendekati maksiat," katanya.